

'Kami bosan hadapi banjir'

Lapan keluarga di Taman Amaniah, Batu Caves hadapi masalah sejak awal tahun minta JPS, MPS pantau sistem perparitan

Oleh Sharifah Salwa Syed Akil

KUALA LUMPUR: Banjir kilat yang semakin kerap berlaku di ibu kota kebelakangan ini menghantui kebanyakan warganya sehingga ada antara mereka yang tidak mampu melupakan mata apabila hujan lebat.

Setiap kali hujan, hati penduduk resah, bukan saja bimbang keselamatan keluarga tetapi memikirkan kepanatan yang akan dilalui apabila terpaksa membersihkan kembali kediaman.

Masalah ini turut menjadi beban kepada lapan keluarga di Taman Amaniah, Batu Caves dekat sini apabila kediaman yang dihuni mereka sejak lebih 20 tahun lalu kini mula dilanda masalah banjir kilat.

Dalam tempoh itu hanya sekali kediaman mereka dinaiki air iaitu kira-kira lima tahun lalu tetapi kini keadaan sudah berbeza, kerana dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini saja sudah empat kali rumah mereka dinaiki air.

Keadaan itu menimbulkan rasa kecewa n penduduk kerana mereka mendakwa walaupun sebelum ini kediaman mereka pernah dinaiki air tetapi tidak seteruk dan sekerap sekarang.

Penduduk mendakwa, projek perumahan dan unit kedai dalam pembinaan berhampiran kediaman mereka sejak awal tahun ini menjadi punca banjir kilat.

Tinjauan *Sentral* di kawasan itu semalam mendapati, masalah banjir kilat itu bukan saja berpunca daripada sistem perparitan tidak sempurna tetapi turut membabitkan masalah longkang sempit yang menyukarkan aliran air.

Sehubungan itu, penduduk meminta Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memantau kembali sistem perparitan dan membina semula longkang yang lebih besar untuk memudahkan air hujan mengalir.

Penduduk, Mohamad Khalid Ibrahim,



PUNCA MASALAH: Air tidak dapat mengalir ke longkang menyebabkan berlaku banjir apabila hujan lebat.


63 berkata, walaupun ada longkang di kawasan itu, ia belum mampu menampung kuantiti air terutama ketika hujan lebat menyebabkan air longkang melimpah masuk ke kediaman penduduk.

"Air longkang ini tidak dapat keluar kerana longkangnya terlalu kecil sedangkan air yang masuk bukan saja dari perumahan ini tetapi juga dari masjid dan kawasan perumahan lain.

"Jadi, sudah tentu apabila hujan lebat, air longkang tidak dapat keluar menyebabkan air longkang ini penuh dan melimpah masuk ke rumah

“Walaupun tidak setinggi yang berlaku di Shah Alam tetapi ia masih menyusahkan kerana kami terpaksa membersihkan rumah dan alami kerugian**”**

Mohamad Khalid Ibrahim
Penduduk



penduduk terutama rumah yang berada di kawasan rendah," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Beliau melahirkan kekecewaan kerana masalah banjir ini sudah kerap diajukan kepada pihak yang berkenaan tetapi sehingga kini tiada sebarang tindak balas atau penyelesaian dibuat mengenainya.

"Tahun ini sudah empat kali banjir berlaku dan yang terbaru pada 10 Mei lalu. Dulu rumah kami tidak pernah dinaiki air tetapi sejak pembinaan dijalankan, kediaman kami kerap ditenggelami air," katanya.